

# Gergasi Gas yang Bergelora: Musytari

written by Hazrul | 07/06/2023

Musytari merupakan planet yang terbesar dalam sistem suria. Sebelas buah [Bumi](#) boleh dimuatkan merentasi [khatulistiwa](#) Musytari. Jika Bumi ialah saiz anggur, Musytari pula bersaiz bola keranjang.

Ia adalah planet kelima dari Matahari. Musytari mengorbit kira-kira 484 juta batu (778 juta kilometer) atau 5.2 [unit astronomi](#) dari [Matahari](#) kita.

Musytari mempunyai hari yang pendek tetapi tahun yang panjang. Ia berputar sekali setiap 10 jam (hari Jovian), tetapi mengambil masa kira-kira 12 tahun Bumi untuk melengkapkan satu pusingan mengelilingi Matahari (tahun Jovian).

Musytari adalah planet gergasi gas dan oleh itu tidak mempunyai permukaan seperti Bumi. Jika ia mempunyai teras dalaman yang kukuh, saiznya mungkin seperti Bumi sahaja. Atmosfera planet ini kebanyakannya terdiri daripada [hidrogen](#) (H<sub>2</sub>) dan [helium](#) (He).

Musytari mempunyai lebih daripada 75 buah bulan. Pada tahun 1979, misi kapal angkasa [Voyager](#) menemui sistem cincin samar bagi planet Musytari. Keempat-empat planet gergasi dalam sistem suria mempunyai sistem cincin ([Zuhal](#), Musytari, [Uranus](#) dan [Neptune](#)).

Secara keseluruhan, sebanyak sembilan buah kapal angkasa telah melawat Musytari. Tujuh daripadanya membuat lintas terbang manakala dua lagi telah mengorbit planet gergasi gas ini. Yang terkini, [kapal angkasa Juno](#), tiba di Musytari pada tahun 2016.

*Versi Bahasa Inggeris bagi artikel ini boleh didapati di laman web [NASA](#), Solar System Exploration Our Galactic Neighbourhood, Jupiter. 10 Need-to-know Things About Jupiter*

*Disediakan oleh:*

*Rashid Ating*

*Penyelidik di Jabatan Ekonomi, Fakulti Perniagaan dan Ekonomi, dan di Institut Pengajian Termaju (IAS), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.*